

# IKHWANUL MUSLIMIN MESIR MENGEMBANGKAN SAYAPNYA SEMULA

Pertubuhan Ikhwanul Muslimin yang berpusat di Mesir yang mempunyai ahli-ahlinya tidak kurang daripada 6 million orang di merata-rata ceruk rantau negeri-negeri Arab yang ditubuhkan lebih kurang pada tahun 1930 yang diketuai oleh Almarhum As-Syeikh Hassan Al-Banna seorang guru yang hidup sederhana serta dihormati oleh pengikut-pengikutnya dengan kerana tulus ikhlasnya dan dengan kerana tidak membesarkan diri sebagaimana adanya ketua-ketua pertubuhan lain yang kaya raya dan hidup mewah dengan mempunyai mahligai yang bagus tetapi baginya, dalam masa hatinya, ia hidup dalam sebuah bilik yang boleh dibilangkan keadaannya sama dengan keadaan orang ramai yang dipimpinya.

Ikhwanul Muslimin Mesir adalah diasaskan berpandu kepada pengajaran Al-Quran dan Al-Hadis semata-mata dan menggalakkan tiap-tiap ahlinya menunaikan kewajibannya berjihad kepada jalan Allah berkorban dan berikhtiar dengan sedaya upaya mereka meninggikan segala perintah-perintah dan menjauhkan daripada segala kemegahan yang membawa kepada kemudharatan hidup terutama di dalam negeri-negeri Arab di mana kaum-kaum hartawan itu telah lupa kepada kewajibannya, telah lupa kepada persamaan dan persaudaraan yang ditaja oleh Islam sehingga dengan kerana perbuatan-perbuatan dan kelakuan-kelakuan orang-orang yang hartawan dan berpangkat tinggi maka hiduplah di dalam negeri yang mula terbit-terbit Islam itu perasaan bertinggi rendah yang dikenal oleh orang-orang sekarang dengan gelaran “ Feudal “ di dalam mana cara yang demikian telah dikikis oleh Islam pada mula-mulanya dahulu.

Dengan sebab perasaan dan persaudaraan itulah Ikhwan al-Muslimin menjadi suatu pertubuhan yang kuat dan banyak mempunyai pengikut-pengikut terutamanya pengasas-pengasasnya terdiri suami dalam tanggungan-tanggungannya itu adalah menjadi suatu kewajiban kepada tiap-tiap kaum perempuan. Walaubagaimanapun payahnya kita mesti redha kepada yang ada dan kita mesti redha kepada pendapatan-pendapatan yang di(erolehinya. Di dalam masa ia susah janganlah kita melebihkan menyusahkan hatinya tetapi hendaklah kita sedaya upaya menyenangkan dan melipurkan hatinya dan dengan cara yang demikian inilah akan menjadi suami itu jinak di rumahtangga dan memandang bahawa rumahtangganya itu ialah syurga untuk menyenangkan hatinya dan dengan demikian ia akan jinak di dalam rumahtangganya.

daripada orang-orang yang mengasaskan tarafnya sama dengan orang ramai dan bertujuan mengikut jejak sebagaimana yang diasaskan oleh junjungan kita Muhammad (SAW) dan ditunjukkan oleh khalifah-khalifahnyanya yang berempat, sehingga dengan cita-cita yang demikian itulah hidup perasaan di dalam tiap-tiap seorang ahli-ahlinya bercita-cita akan mendirikan pengajaran-pengajaran Islam kepada asasnya yang semula dengan menghapuskan semula khurafat-khurafat yang dibangsakan kepada agama sebagaimana yang telah berakar berumbi hidup di dalam sanubari dan jiwa sebahagian besar daripada orang-orang Arab terutamanya daripada hartawan-hartawannya yang telah lupa kepada tanggungan-tanggungannya kepada saudara-saudaranya yang miskin dan mudarat hidupnya.

Tetapi sebagaimana telah difirmankan oleh Allah bahawa seseorang itu tidak akan diakui beriman sekiranya ia belum dicuba dan demikian itulah yang dihadapi oleh Ikhwanul Muslimin Mesir kerana telah dating percubaan kepada mereka ketika terjadi pembunuhan Perdana Menteri Mesir, Nakrasyi Basya, sedikit masa yang lalu maka pihak pertubuhan As-Saadie iaitu pertubuhan yang dipimpin oleh Nakrasyi sendiri telah menuduh bahawa Nakrasyi itu dibunuh oleh seorang ahli Ikhwanul Muslimin dan harus boleh jadi dengan sebab sangkaan yang demikian itu maka pihak pertubuhan itu menuntut bela dan membunuh As-Syeikh Hassan Al-Banna ketua Ikhwanul Muslimin yang berjasa dan ikhlas itu. Pembunuhnya tidak diketahui orangnya sehingga hari ini. Pihak yang berpendapatan demikian mengambil dalil bahawa tatkala kerajaan Mesir bertindak mengharamkan pertubuhan Ikhwanul Muslimin maka pada masa itu As-Syeikh Hassan Al-Banna tidak



-----\*-----\*-----

*Pemimpin Al- Ikhwan al-Muslimun*

*yang baharu*

*Tuan Hassan Al-Hadibi Bik*

-----\*-----\*-----

ditahan yang bermakna keselamatannya sengaja tidak diendahkan atau pun ada sesuatu rancangan yang lain yang sengaja ditunjukkan kepada sesuatu langkah yang tertentu.


Punca-punca yang mengetahui menggambarkan bahawa sebab-sebab perselisihan yang hebat itu terjadi ialah oleh kerana Ikhwanul Muslimin dikatakan mendesak kerajaan Mesir mengambil langkah yang tepat dan jelas dengan segala tenaganya untuk menegakkan negara Palestin daripada diceroboh oleh Yahudi yang dibelakangnya berdiri anasir-anasir Barat dengan alasan bahawa mempertahankan tanah suci Palestin itu yang di dalamnya terdiri Baitul Maqdis yang mulia sebagai kiblat yang pertama di dalam Islam adalah suatu jihad yang dituntut oleh Allah yang di dalamnya tiap-tiap seorang muslim bertanggungjawab menunaikannya tetapi nampaknya berhubung dengan kerajaan Mesir masih dipengaruhi oleh anasir-anasir luar maka ia tidak berani mengikut kemahuan Ikhwanul Muslimin dan apabila kesalahan-kesalahan terjadi di dalam Palestin maka Ikhwanul Muslimin telah menempelak kepada langkah-langkah kerajaan itu dan di sinilah nampaknya terjadi perselisihan yang hebat dalam negeri itu dan dengan kerana mendirikan tujuan-tujuan yang tersebut tidaklah hairan kalau anasir-anasir luar, sebagaimana yang telah biasa dilakukan oleh mereka berkurun-kurun lamanya lalu memburuk-burukkan Ikhwanul Muslimin dengan berbagai-bagai cara dan ragam yang biasa dilakukan oleh mereka untuk mengadakan tuduhan-tuduhan yang kecil dibesarkan kerana buruknya dan kebaikan yang besar dikesalkan kerana baiknya – iaitu mengikut kebiasaan yang dilakukan oleh anasir-anasir itu.

Apabila berlaku pilihan raya di Mesir maka pihak “Al-Waqad “ yang diketahui oleh An-Nahas Basya dikatakan telah mengadakan perhubungan dengan Ikhwanul Muslimin dan dengan kerana itu An-Nahas Basya telah dapat memegang teraju

pemerintahan di Mesir dan daripada inilah dengan perlahan-perlahan ia melonggarkan segala ikatan-ikatan yang telah mengikat Ikhwanul Muslimin itu dan daripada masa itulah dengan diam-diam dan dengan cara yang teratur anggota-anggota Ikhwanul Muslimin itu disatukan semula sehingga sekarang mereka akan menanti masa untuk diakui dengan rasmi. Mereka menghendaki supaya pertubuhannya dikecualikan daripada pendaftaran.

Menurut majalah Al-Masur Mesir, masalah Ikhwan al-Muslimin itu telah dibahas dengan kancangnya di dalam parlimen Mesir dan telah mendapat pertentangan-pertentangan yang hebat daripada pihak-pihak pembangkang tetapi segala bangkangan-bangkangan itu telah dijawab oleh Menteri Dalam Mesir, Fuad Seraja Ad-Din Basya. Daripada jawapan-jawapan Menteri Dalam inilah ketua-ketua Ikhwanul Muslimin semakin galak dan semakin cergas bekerja membentangkan kedudukan mereka yang hak di hadapan rakyat jelata supaya dengannya yang batil itu akan binasa.

Kecergasan Ikhwanul Muslimin itu bukannya baharu sahaja berjalan tetapi langkahnya telah mara ke hadapan semenjak daripada penganjur-penganjur mereka masih dalam penjara lagi. Di penjara mereka itu tidak putus-putusnya mengadakan syarahan-syarahan yang bersendi kepada Al-Quran dan Al-Hadis yang sesuai kepada jiwa pendengar-pendengarnya, mengadakan sukan bagi mengawal kesihatan badan bahkan dalam masa di penjara itu mereka telah menjadikan penjara “Hakustub” yang berpenduduk 15000 orang itu menjadi



*Ibu pejabat Ikhwanul Muslimin di Mesir yang akan dibuka dengan rasmi tidak lama lagi.*

kawasan yang makmur dengan tanaman-tanaman dan pertukangan-pertukangan yang berbagai-bagai jenisnya.

Menepati seperti kata pepatah “ Sekali air pasang, dua tiganya tepayan beralih “ – demikian itulah keadaannya setelah kejadian itu maka keadaannya telah berubah pula dan mana-mana anggota Ikhwanul Muslimin yang telah dibebaskan maka mereka pun bekerja keras mengadakan perjumpaan di masjid-masjid, di rumah-rumah persatuan dan rumah-rumah biasa sambil tidak lengah memungut dan bergotong royong bak kata orang-orang Indonesia – untuk mendirikan jihad yang terupaya oleh mereka serta melanjutkan perjuangan mereka, dan dengan itu mereka telah dapat pula mengeluarkan sebuah majalah sebagai lidah rasmi mereka dan melantik Tuan Hassan A-Hadibi bekas penasihat undang-undang di Mahkamah Ulang bicara Mesir menjadi pemimpin mereka menggantikan tempat As-Syeikh Hassan Al-Banna ketua Ikhwanul Muslimin yang dicintai bukan sahaja oleh pengikut-pengikutnya tetapi oleh dunia Islam yang berharap bahawa dengan langkah-langkahnya akan terserlah cogan Islam di negeri Mesir yang telah kucar kacir itu.

Orang ramai sekarang masih tertanya-tanya adakah Ikhwanul Muslimin akan dapat bertenaga sebagaimana keadaannya sebelum dimansuhkan oleh kerajaan Mesir dahulu? Inilah suatu soal yang dinanti-nanti yang jawapannya bukan daripada perkataan tetapi terbukti dengan perbuatan. Pada masa yang lalu



*Ketua-ketua Ikhwanul Muslimin yang terkemuka. Dari kiri :*

*Al-Ustaz Abduh Qassim, Al-Ustaz Saleh Al-Asymawi dan*

*Al-Ustaz Tahir Al-Khasyab.*

Ikhwanul Muslimin mempunyai 1500 cawangan di ceruk rantau negeri Mesir iaitu selain daripada cawangan-cawangannya yang bertaburan di seluruh alam Islami terutamanya di negeri-negeri Arab. Mereka mempunyai 60 buah sekolah yang telah didirikan dengan wang kumpulannya untuk menyiarkan pelajaran dan mempunyai 5 buah rumah sakit serta 30 buah kedai pembahagi ubat.

Mereka mempunyai beberapa buah syarikat yang berdasarkan Iktisad seperti syarikat perusahaan lombong, syarikat tenun, syarikat surat khabar, syarikat perusahaan Mutabaah, syarikat pertanian yang semuanya telah berjaya dengan kejayaan-kejayaan yang memuaskan terutamanya pertanian di dalam mana sebuah tanah yang seluas 800 ekar telah menjadi sebuah kebun yang menghidu dengan hasil-hasil yang memuaskan.

Bangun yang menjadi ibu pejabat Ikhwanul Muslimin adalah dipunyai oleh mereka sendiri. Semuanya ini telah dirampas oleh kerjaan yang diketuai oleh Ibrahim Abdul Hadi yang kejam langkah-langkahnya terhadap pertubuhan tersebut, maka adakah semuanya ini akan diserahkan semula ke tangan Ikhwanul Muslimin di dalam masa pemerintahan An-Nahas Basya sekarang?

Soal ini telah dijawab oleh Tuan Muhammad Hamid Abu Nasir salah seorang ketua bagi Ikhwanul Muslimin yang berdasarkan Islam itu dengan katanya: “ Semua yang tersebut akan balik semula kerana di ceruk rantau negeri ini ada berates-ratus ribu orang yang menggayungkan dirinya di dalam Ikhwanul Muslimin dan yang sedang bekerja keras untuk kebajikan persatuan ini dan berkeyakinan bahawa mereka akan jaya sekalipun memakan masa yang lanjut. Segala penderitaan yang mereka rasa selama ini adalah menambah dan menjadikan lebih tebal semangat mereka bagi mencapai kejayaan yang muktamad! “

Menurut berita yang akhir bahawa Ikhwanul Muslimin telah enggan mendaftarkan persatuan mereka dan telah berkeras menuntut dikecualikan daripada pendaftaran yang bermakna tuntutan mereka tidak terikat dan tidak bersyarat! Mereka berpendapatan bahawa undang-undang pendaftaran itu tidak sesuai